



KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH PENDIDIKAN KHAS (MASALAH PEMBELAJARAN)

PENDIDIKAN JASMANI

TAHUN TIGA

DOKUMEN STANDARD
**KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH
PENDIDIKAN KHAS**
MASALAH PEMBELAJARAN

PENDIDIKAN JASMANI

TAHUN TIGA



BAHAGIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM

© Kementerian Pelajaran Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

KANDUNGAN

MUKA SURAT

RUKUN NEGARA	v
FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN	vi
PENDAHULUAN	1
MATLAMAT	1
OBJEKTIF	1
STANDARD KURIKULUM BERASASKAN TUNJANG	2
KURIKULUM MODULAR BERASASKAN STANDARD	3
FOKUS MATA PELAJARAN	3
PENDEKATAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN	4
RANCANGAN PENDIDIKAN INDIVIDU	5
PENTAKSIRAN	5
STANDARD KANDUNGAN DAN STANDARD PEMBELAJARAN PENDIDIKAN JASMANI	7
GLOSARI	15



RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA negara kita Malaysia mendukung cita-cita untuk mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta masyarakat yang adil bagi kemakmuran negara yang akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

- KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
- KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
- KELUHURAN PERLEMBAGAAN
- KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
- KESOPANAN DAN KESUSILAAN

Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

PENDAHULUAN

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran) dibina selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan berlandaskan prinsip-prinsip pendekatan bersepadu, perkembangan individu secara menyeluruh, peluang pendidikan dan kualiti pendidikan yang sama untuk semua murid dan pendidikan seumur hidup. KSSR Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran) lebih berfokus kepada penguasaan kemahiran bagi memenuhi keperluan individu, tidak terlalu menekankan akademik dan tidak membebankan murid. Ini selaras dengan teras kedua Pelan Induk Pembangunan Pendidikan.

Bagi memenuhi keperluan individu, proses pengajaran dan pembelajaran di Program Pendidikan Khas Integrasi Bermasalah Pembelajaran dibentuk secara fleksibel dan ini bertepatan dengan Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 1997, yang menyatakan “ *guru-guru boleh mengubahsuai kaedah atau teknik pengajaran atau pembelajaran, masa bagi aktiviti dan susunan aktiviti, mata pelajaran dan bahan bantu mengajar bagi mencapai tujuan dan matlamat Pendidikan Khas*”.

KSSR Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran) dibina dengan hasrat pembelajaran yang diperolehi di dalam bilik darjah dapat

diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Kurikulum ini juga menyediakan pendidikan berkualiti untuk murid bermasalah pembelajaran supaya mereka menjadi insan yang seimbang, berdikari dan berjaya dalam kehidupan.

MATLAMAT

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran) digubal dengan matlamat untuk mengembangkan potensi murid secara menyeluruh, seimbang dan bersepadu serta bersesuaian dengan tahap kefungsi murid. Perkembangan ini juga meliputi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek bagi melahirkan insan yang seimbang, harmonis dan berakhlak mulia.

OBJEKTIF

KSSR Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran) bertujuan membimbing murid agar berupaya;

- i. mengamalkan tingkah laku dan sikap positif dalam menguruskan kehidupan seharian yang lebih bermakna serta menjadi warganegara yang berguna
- ii. mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran serta dapat berdikari dalam kehidupan seharian

- iii. memperoleh kemahiran dan keterampilan ke arah kehidupan berkerjaya
- iv. mengamalkan penjagaan kesihatan dan keselamatan diri dengan sempurna
- v. menggunakan kemahiran berbahasa untuk berkomunikasi, berinteraksi dan bersosialisasi dengan menepati tatasusila masyarakat majmuk
- vi. mengamalkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian bagi yang beragama Islam
- vii. mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian
- viii. melibatkan diri dalam aktiviti riadah
- ix. menghargai keindahan alam dan warisan budaya
- x. menggunakan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi seiring dengan perkembangan semasa

STANDARD KURIKULUM BERASASKAN TUNJANG

Organisasi Kurikulum Berasaskan Tunjang dibina bagi membangunkan modal insan yang berpengetahuan dan berketerampilan. Tunjang (Rajah 1) merupakan domain utama yang saling menyokong antara satu sama lain bagi membentuk insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Domain bagi setiap tunjang adalah:

- i. Komunikasi
- ii. Kerohanian, Sikap dan Nilai
- iii. Kemanusiaan
- iv. Sains dan Teknologi
- v. Perkembangan Fizikal dan Estetika
- vi. Keterampilan Diri



Rajah 1: Bentuk Kurikulum Standard Sekolah Rendah

KURIKULUM MODULAR BERASASKAN STANDARD

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran) digubal dalam bentuk pernyataan Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran yang perlu dikuasai oleh murid. Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran diorganisasikan dalam bentuk modular yang mengandungi elemen pengetahuan, kemahiran dan nilai.

Standard Kandungan

Pernyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.

Standard Pembelajaran

Satu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap Standard Kandungan.

FOKUS MATA PELAJARAN

Mata Pelajaran : Pendidikan Jasmani

Komposisi Mata Pelajaran Pendidikan Jasmani merangkumi kemahiran asas pergerakan, asas permainan, asas olahraga, asas akuatik, kecergasan, rekreasi dan kesenggangan. Asas permainan dan olahraga hanya akan diajar selepas Tahun Empat Kurikulum Pendidikan Jasmani sekolah rendah bertujuan membimbing murid :

- i. melakukan kemahiran motor asas dengan corak pergerakan yang sesuai dengan betul
- ii. melakukan kemahiran khusus dengan teknik yang betul
- iii. kecekapan menggabungkan pergerakan dalam melakukan aktiviti
- iv. perlakuan mengembangkan kecekapan dalam pergerakan dan kemahiran motor
- v. mengembangkan kecekapan semasa menggabungkan pergerakan atau lakukan motor
- vi. menjelaskan prinsip asas biomekanik dalam pergerakan perlakuan motor
- vii. memahami bagaimana meningkatkan kemahiran motor dan pergerakan

- viii. memahami taktik permainan dan menunjuk cara permainan dijalankan
- ix. melibatkan diri dalam aktiviti fizikal secara berkala
- x. memahami kepentingan melakukan aktiviti fizikal secara berkala
- xi. memahami bagaimana membina jadual kecergasan sendiri
- xii. menunjuk cara kemahiran sosial yang sesuai dalam aktiviti fizikal
- xiii. menunjuk cara kemahiran tanggungjawab sendiri yang sesuai dalam aktiviti fizikal
- xiv. mengaplikasikan kecergasan berdasarkan lakuan motor melalui aktiviti fizikal dalam kemahiran asas dan khusus
- xv. melakukan aktiviti fizikal dengan riang, bertanggungjawab dan selamat
- xvi. melakukan aktiviti fizikal dan mengetahui kepentingan menjaga kecergasan
- xvii. mematuhi peraturan dan mengamalkan langkah keselamatan semasa melakukan aktiviti jasmani

Perlaksanaan Modul Pendidikan Jasmani

Modul Pengajaran Pendidikan Jasmani

Modul pengajaran disediakan berpandu kepada Standard Kurikulum Pendidikan Jasmani untuk membantu guru menjalankan pengajaran dengan lebih berkesan. Guru boleh mengubahsuai atau membina modul yang bersesuaian mengikut keperluan. Penglibatan murid yang aktif dapat meningkatkan pencapaian prestasi murid

PENDEKATAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani ini guru boleh mempelbagaikan pendekatan bagi mencapai kehendak Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran. Antaranya adalah:

- Belajar Melalui Permainan
- Belajar Sambil Bermain
- Multi Sensori
- Pembelajaran Kontekstual
- Pembelajaran Interaktif
- Pembelajaran Koperatif
- Pertandingan

RANCANGAN PENDIDIKAN INDIVIDU

Definisi Rancangan Pendidikan Individu :

Rancangan Pendidikan Individu (RPI) adalah satu dokumen bertulis yang menjelaskan matlamat perancangan pendidikan yang dirancang untuk setiap murid berkeperluan khas dan dijadikan panduan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan boleh menyatakan tahap pencapaian murid.

(Buku Panduan Rancangan Pendidikan (RPI) Individu Murid-Murid Berkeperluan Khas, 2000)

RPI ialah suatu program pengajaran berasaskan penilaian pelbagai disiplin yang disediakan bagi memenuhi keperluan murid pendidikan khas. RPI dirancang khusus bagi individu murid, dan dokumentasi dilakukan tentang segala pengubahsuaian dan penerapan ke atas program pembelajaran dan perkhidmatan yang disediakan. Justeru, RPI memaklumkan ibubapa dan pihak sekolah tentang keperluan individu murid dan bagaimana keperluan tersebut dirancang untuk dipenuhi. Bagi mencapai tujuan tersebut, perlu ada kerjasama dan kolaborasi antara pihak sekolah, ibubapa, dan murid itu sendiri, dengan dibantu oleh pegawai pendidikan peringkat negeri dan daerah, dan individu dari agensi atau khidmat sokongan lain.

RPI memperincikan antara lain:

- i. Tahap prestasi sedia ada murid
- ii. Perancangan akademik dan bukan akademik
- iii. Matlamat pendidikan tahunan yang boleh dicapai murid
- iv. Objektif pendidikan yang boleh diukur
- v. Objektif, prosedur dan urutan pentaksiran bagi mengenalpasti perkembangan dalam pencapaian
- vi. Perkhidmatan yang diperlukan oleh murid
- vii. Perancangan, jangkamasa dan tarikh sesuatu perkhidmatan dapat disediakan untuk murid, dan
- viii. Perancangan dan persediaan bagi membantu dan membimbing murid berinteraksi dengan persekitaran mereka.

PENTAKSIRAN

Pentaksiran di bilik darjah penting bagi mengetahui tahap penguasaan dan pemahaman murid tentang apa yang telah dipelajari. Pentaksiran boleh dijalankan secara formatif dan sumatif. Maklumat yang diperolehi akan membantu guru untuk menambah baik kaedah pengajaran dan hasil pentaksiran dibilik darjah juga dapat memberi maklum balas awal kepada guru untuk merancang tindakan susulan dan penyediaan RPI bagi meningkatkan lagi penguasaan dan pemahaman murid. Antara

kaedah pentaksiran dalam bilik darjah yang boleh dijalankan termasuk:

- i. **Pemerhatian** : Kaedah ini sesuai untuk menilai individu dari aspek kemahiran, sikap dan nilai murni. Pentaksiran secara pemerhatian hendaklah disertakan dengan senarai semak.
- ii. **Ujian/ Kuiz** : Ujian boleh dijalankan dalam bentuk kertas pensel atau lisan. Ujian kertas pensel boleh disediakan dalam bentuk soalan objektif atau subjektif manakala kuiz boleh dijalankan dalam bentuk lisan.
- iii. **Persembahan secara lisan** : Persembahan secara lisan adalah penting untuk menilai kemahiran bertutur, keyakinan diri dan pengetahuan murid tentang konten yang dipelajari.
- iv. **Senarai semak** : Senarai semak merupakan laporan individu tentang penguasaan pengetahuan, kemahiran serta sikap dan nilai murni.
- v. **Folio** : Folio adalah kompilasi hasil kerja murid secara individu atau kumpulan. Contoh folio adalah buku skrap dan laporan.
- vi. **Esei** : Esei mempamerkan tentang kemahiran murid untuk menyampaikan maklumat secara saintifik.

PENDIDIKAN JASMANI

TAJUK	STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<p>1. Kemahiran Pergerakan</p>	<p>1.1 Pergerakan Asas Lokomotor Berkebolehan melakukan pelbagai pergerakan lokomotor asas dengan lakuan yang betul.</p> <p>1.2 Pergerakan Bukan Lokomotor Berkebolehan melakukan pelbagai pergerakan bukan lokomotor asas dengan lakuan yang betul.</p>	<p>1.1.1 Melakukan aktiviti berjalan di kawasan berumput</p> <p>1.1.2 Melakukan aktiviti berjalan di kawasan berpasir</p> <p>1.1.3 Melakukan aktiviti berjalan di kawasan berair</p> <p>1.1.4 Melakukan aktiviti berjalan di kawasan berbatu</p> <p>1.1.5 Melakukan aktiviti berlari di kawasan berhalangan</p> <p>1.1.6 Melakukan aktiviti berlari di kawasan berumput</p> <p>1.1.7 Melakukan aktiviti berlari di kawasan berpasir</p> <p>1.1.8 Melakukan aktiviti berlari di kawasan berair</p> <p>1.1.9 Melakukan aktiviti berlari di kawasan berbatu</p> <p>1.1.10 Melakukan aktiviti melompat melepasi halangan</p> <p>1.1.11 Melakukan aktiviti melompat ketinting secara bebas</p> <p>1.2.1 Melakukan aktiviti pergerakan bukan lokomotor berdiri</p> <p>1.2.2 Melakukan aktiviti pergerakan bukan lokomotor membongkok</p> <p>1.2.3 Melakukan aktiviti pergerakan bukan lokomotor duduk</p> <p>1.2.4 Melakukan aktiviti pergerakan bukan lokomotor memusing</p> <p>1.2.5 Melakukan aktiviti pergerakan bukan lokomotor mendekam</p> <p>1.2.6 Melakukan pelbagai aktiviti bukan lokomotor dalam satu rangkaian pergerakan</p>

TAJUK	STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
	<p>1.3 Kemahiran Manipulasi Alatan Berkebolehan melakukan pelbagai pergerakan lokomotor asas dengan lakuan yang betul.</p> <p>1.4 Akuatik Asas Keyakinan dan keselamatan dalam air</p> <p>1.5 Rekreasi dan kesenggangan Berkebolehan melakukan aktiviti rekreasi dan kesenggangan</p>	<p>1.2.7 Melakukan pelbagai pergerakan lokomotor dan bukan lokomotor dalam satu rangkaian pergerakan</p> <p>1.3.1 Melantun bola secara bebas</p> <p>1.3.2 Melantun bola dengan dua belah tangan</p> <p>1.3.3 Melantun bola dengan sebelah tangan</p> <p>1.3.4 Menyambut bola secara berpasangan</p> <p>1.3.5 Menendang bola secara leret</p> <p>1.4.1 Melakukan teknik renang menguak air dengan tangan</p> <p>1.4.2 Melakukan teknik renang mengocak air dengan kaki</p> <p>1.4.3 Melakukan teknik renang menguak dan mengocak air dengan teknik apungan</p> <p>1.5.1 Pengenalan permainan kecil Belalang dan Belatuk</p> <p>1.5.2 Pengenalan permainan kecil Anak Ayam dengan Musang</p> <p>1.5.3 Pengenalan permainan kecil Pukul Berapa Datuk Harimau</p> <p>1.5.4 Pengenalan permainan kecil Rumah Terbakar</p>

TAJUK	STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<p>2. Aplikasi Pengetahuan Dalam Pergerakan</p>	<p>2.1 Melakukan Pergerakan Asas Lokomotor Berkebolehan melakukan pelbagai pergerakan lokomotor asas dengan lakuan yang betul</p> <p>2.2 Melakukan Pergerakan Asas Bukan Lokomotor Berkebolehan melakukan pelbagai pergerakan bukan lokomotor asas dengan lakuan yang betul</p>	<p>2.1.1 Menunjukkan aksi perlakuan pergerakan lokomotor berjalan pelbagai arah</p> <p>2.1.2 Menunjukkan aksi perlakuan pergerakan lokomotor lari berhalangan</p> <p>2.1.3 Menunjukkan aksi perlakuan pergerakan lokomotor melompat dalam pelbagai arah dan aras</p> <p>2.1.4 Menunjukkan aksi perlakuan pergerakan lokomotor melompat ketinting secara bebas</p> <p>2.2.1 Menunjukkan aksi ciri-ciri perlakuan pergerakan bukan lokomotor berdiri</p> <p>2.2.2 Menunjukkan aksi ciri-ciri perlakuan pergerakan bukan lokomotor membongkok</p> <p>2.2.3 Menunjukkan aksi ciri-ciri perlakuan pergerakan bukan lokomotor duduk</p> <p>2.2.4 Menunjukkan aksi ciri-ciri perlakuan pergerakan bukan lokomotor memusing</p> <p>2.2.5 Menunjukkan aksi ciri-ciri perlakuan pergerakan bukan lokomotor mendekam</p>

TAJUK	STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
	<p>2.3 Akuatik Asas Mengaplikasikan konsep keselamatan dalam air</p> <p>2.4 Rekreasi dan kesenggangan Berkebolehan melakukan aktiviti rekreasi dan kesenggangan</p>	<p>2.3.1 Menunjukkan aksi teknik apungan tiarap</p> <p>2.3.2 Menunjukkan aksi teknik mengocak air dengan kaki</p> <p>2.3.3 Menunjukkan aksi teknik menguak</p> <p>2.3.4 Menunjukkan aksi teknik menguak dan mengocak air dengan teknik apungan tiarap</p> <p>2.3.5 Menyatakan teknik menguak dan mengocak air dengan teknik apungan tiarap</p> <p>2.4.1 Bermain permainan kecil Rumah Terbakar</p> <p>2.4.2 Bermain permainan kecil Anak Ayam dengan Musang</p> <p>2.4.3 Bermain permainan kecil Pukul Berapa Datuk Harimau</p> <p>2.4.4 Bermain permainan kecil Belalang dengan Belatuk</p>
<p>3. Kecergasan Meningkatkan Kesihatan</p>	<p>3.1 Konsep Kecergasan Berkebolehan melakukan aktiviti fizikal berpandukan konsep kecergasan</p> <p>3.2 Komponen Kecergasan Mengetahui kapasiti aerobik</p>	<p>3.1.1 Melakukan aktiviti yang meningkatkan suhu badan, kadar pernafasan, kadar nadi dan keanjalan otot.</p> <p>3.1.2 Melakukan aktiviti menyejukkan badan</p> <p>3.1.3 Merasa kadar denyutan nadi sebelum dan selepas aktiviti fizikal</p> <p>3.2.1 Mengukur ketinggian dan menimbang berat badan</p> <p>3.2.2 Merekod ukuran tinggi dan berat badan</p>

TAJUK	STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<p>4. Kesukanan</p>	<p>4.1 Keselamatan dan Pengurusan Keselamatan dan pengurusan dalam sukan dan permainan tanpa menimbulkan implikasi buruk</p> <p>4.2 Tanggungjawab Kendiri Berkeyakinan dan bertanggungjawab semasa melakukan aktiviti</p> <p>4.3 Dinamika Sosial</p> <p>4.4 Dinamika Kumpulan</p>	<p>4.1.1 Memakai pakaian yang bersesuaian dengan aktiviti</p> <p>4.1.2 Mendengar dan mematuhi arahan</p> <p>4.1.3 Mematuhi peraturan di padang</p> <p>4.1.4 Membawa alatan dengan selamat</p> <p>4.1.5 Meletak alatan di tempat yang selamat</p> <p>4.1.6 Menyimpan alatan di tempat yang betul</p> <p>4.2.1 Menunjukkan keyakinan dan bertanggungjawab semasa melakukan aktiviti</p> <p>4.2.2 Menunjukkan daya usaha melakukan aktiviti</p> <p>4.2.3 Menunjukkan reaksi positif menerima kemenangan dan kekalahan</p> <p>4.3.1 Berkomunikasi secara bertatasusila</p> <p>4.4.1 Berkebolehan membentuk kumpulan secara dinamik</p> <p>4.4.2 Bekerjasama dalam kumpulan</p> <p>4.4.3 Melakukan aktiviti secara berpasangan</p> <p>4.4.4 Memperlihatkan rasa seronok melakukan aktiviti dalam kumpulan</p>

GLOSARI

Lokomotor	Pergerakan dari satu tempat ke satu tempat yang lain.
Bukan lokomotor	Pergerakan bahagian tubuh badan tanpa beralih tempat.
Rekreasi	Aktiviti terancang yang dilakukan untuk memenuhi masa lapang bukan untuk tujuan pertandingan tetapi untuk memperolehi keseronokan, ketenangan minda dan merehatkan badan.
Kesenggangan	Masa terluang yang digunakan untuk melakukan aktiviti yang menyeronokkan dan memberikan kepuasan kepada seseorang individu.
Rumah Terbakar	Permainan kecil yang dimainkan secara mendengar arahan ketua. Bila ketua berkata rumah terbakar, murid berlari ke kawasan selamat yang ditetapkan. Bila ketua berkata rumah padam semua kembali di tempat asal.
Anak Ayam dengan Musang	Permainan ini melibatkan musang, ibu ayam dan anak ayam. Seorang murid dilantik sebagai musang, seorang dilantik sebagai ibu ayam dan selebihnya dijadikan anak ayam. Musang akan berada bersententangan dengan ibu ayam manakala anak ayam berada dibelakang ibu ayam dalam satu baris. Anak ayam masing-masing memegang pinggang anak ayam lain. Anak ayam dihadapan memegang pinggang ibu ayam. Ibu ayam menghalang musang daripada mencuit anak ayam. Anak ayam yang berjaya dicuit, keluar daripada permainan ini.

Pukul Berapa Datuk Harimau	Permainan kecil ini melibatkan semua murid dan salah seorang menjadi harimau. Permainan ini dimulai dengan murid menyebut 'Pukul Berapa Datuk Harimau'. Harimau membalas dengan menyebut pukul satu. Diulangi sehingga pukul 12 lalu harimau menangkap murid di belakangnya. Murid yang dapat ditangkap, keluar daripada permainan ini.
Belalang dan Belatuk	Seorang murid dipilih sebagai penyebut 'belalang' atau 'belatuk'. Murid lain diagih kepada dua kumpulan iaitu kumpulan belatuk dan kumpulan belalang. Bila penyebut sebut 'belatuk' kumpulan belatuk akan berlari ke tempat yang ditentukan selamat manakala kumpulan belalang akan menangkap kumpulan belatuk. Begitu sebaliknya bila penyebut sebut 'belalang'. Pemenang berpandu kumpulan yang bilangan ahlinya masih ramai diakhir permainan.
Ketinting	Berdiri sebelah kaki dan melompat setempat atau bergerak.
Mendekam	Duduk mencangkung dengan jari tangan mencecah tanah diantara dua kaki.
Menguak	Salah satu teknik renang iaitu kedua belah tangan menjulur kehadapan dan menarik keluar kedua belah tangan ke sisi arah belakang.

Terbitan:



Kementerian Pelajaran Malaysia
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Aras 4-8, Blok E9
Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
Tel: 03-8884 2000 Faks: 03- 8888 9917